

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333)

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERHENTIAN TEKSI) (WPKL) 2007

P.U.(A)78/2007

SENARAI PINDAAN :

BIL.	PINDAAN	TARIKH	CATITAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

P.U. (A) 78.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERHENTIAN TEKSI)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Dato Bandar, dengan persetujuan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Perhentian Teksi) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2007**.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang-barang” ertiaya apa-apa barang dagangan atau bagasi, atau apa-apa objek termasuk ternakan, yang dibawa oleh seseorang penumpang;

“kenderaan” tidak termasuk teksi;

“lampu berkelip” ertinya suatu isyarat lampu daripada lampu yang terletak di perhentian teksi yang menunjukkan bahawa suatu teksi diperlukan untuk disewa;

“penumpang” ertinya seseorang yang menyewa teksi;

“perhentian teksi” ertinya mana-mana bahagian sesuatu jalan yang ditetapkan sebagai suatu perhentian teksi melalui suatu isyarat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual dan yang ditandakan dengan garisan kuning dengan perkataan “TEKSI SAHAJA” terdapat di dalam garisan kuning itu;

“teksi” ertinya kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi enam orang (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa penumpang pada mana-mana perjalanan sebagai balasan kepada satu tambang.

Mengambil atau menurunkan penumpang di perhentian teksi

3. Jika suatu perhentian teksi diadakan oleh Dato Bandar di sesuatu jalan, seseorang pemandu teksi tidak boleh mengambil atau menurunkan penumpang-penumpang dan barang-barang mereka di mana-mana tempat selain di perhentian teksi.

Cara berhenti di perhentian teksi

4. Seseorang pemandu teksi yang bercadang untuk memberhentikan teksinya bagi maksud mengambil atau menurunkan penumpang-penumpang dan barang-barang mereka di sesuatu perhentian teksi hendaklah—

- (a) memandu teksinya dengan cara yang teratur ke dalam perhentian teksi itu dari bahagian belakang; dan
- (b) memberhentikan teksinya di ruang kosong paling hadapan di perhentian teksi itu.

Cara memandu keluar dari perhentian teksi

5. Seseorang pemandu teksi hendaklah memandu teksinya keluar dari sesuatu perhentian teksi dengan cara yang teratur dan mengikut turutan biasa dari bahagian hadapan perhentian teksi itu.

Cara orang menunggu teksi

6. Seseorang yang bercadang untuk menyewa suatu teksi hendaklah berbaris dengan cara yang teratur di perhentian teksi dan orang yang berada di bahagian hadapan barisan hendaklah diberi kcutamaan untuk menaiki teksi.

Cara mengambil penumpang

7. Seseorang pemandu teksi tidak boleh mengambil mana-mana penumpang dan barang-barang penumpang itu melainkan jika penumpang itu berada di bahagian hadapan barisan di sesuatu perhentian teksi.

Bagaimana hendak menahan teksi

8. Seseorang boleh menggunakan lampu berkelip, jika disediakan, atau apa-apa isyarat atau tanda, untuk menahan teksi untuk disewa.

Larangan mencari penumpang

9. Seseorang pemandu teksi atau mana-mana orang lain tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa cara mencari penumpang di mana-mana perhentian teksi.

Larangan terhadap halangan, dsb.

10. Seseorang pemandu teksi tidak boleh dengan sengaja menghalang, merintang atau melarang mana-mana pemandu teksi lain daripada—

- (a) berhenti bagi maksud mengambil atau menurunkan penumpang di; atau
 - (b) bergerak keluar daripada,
- mana-mana perhentian teksi.

Larangan mencuci, dsb.

11. Seseorang pemandu teksi tidak boleh mencuci, membaiki atau memeriksa teksinya atau menyebabkan teksi itu dicuci, dibaiki atau diperiksa di mana-mana perhentian teksi.

Perhentian teksi tidak boleh digunakan sebagai tempat untuk berehat

12. Seseorang pemandu teksi tidak boleh memberhentikan, meletakkan, menempatkan atau meninggalkan teksinya di mana-mana perhentian teksi atau dalam jarak lima meter dari jalan masuk atau jalan keluar sesuatu perhentian teksi bagi maksud berehat atau menunggu untuk mengambil penumpang-penumpang.

Kenderaan tidak boleh menggunakan perhentian teksi


13. Seseorang pemandu tidak boleh—

- (a) memandu kenderaannya ke dalam mana-mana perhentian teksi; atau
- (b) memberhentikan, meletakkan, menempatkan atau meninggalkan kenderaannya di mana-mana perhentian teksi atau dalam jarak lima meter dari jalan masuk atau jalan keluar sesuatu perhentian teksi.

Larangan meletakkan struktur di perhentian teksi, dsb.

14. Seseorang tidak boleh meletakkan apa-apa struktur di mana-mana perhentian teksi atau dalam jarak lima meter dari jalan masuk atau jalan keluar sesuatu perhentian teksi.

JADUAL
[Perenggan 2]



NOTA:

1. LATAR BELAKANG PAPAN TANDA DIWARNAKAN BIRU.
2. PERKATAAN 'TEKSI' DAN 'PERHENTIAN TEKSI' DIWARNAKAN PUTIH.
3. BAHAGIAN BERGARIS DALAM GAMBAR RAJAH TEKSI DIWARNAKAN KUNING.
4. BADAN DAN TAYAR KERETA DIWARNAKAN PUTIH.
5. PALANG DI BAWAH TEKSI YANG MENGGAMBARKAN JALAN DIWARNAKAN PUTIH.
6. LAMPU DAN TIGA JALUR MELINTANG DI HADAPAN TEKSI DIWARNAKAN BIRU.
7. SEMUA UKURAN DALAM MILIMETER (mm).

Dibuat 1 Disember 2006
[JHEU2/96/85 PT. III; PN(PU²)460/XLVIII]

Dipersetujui 29 Disember 2006
SKALA 1:20

DATUK HAJI RUSLIN BIN HAJI HASAN
Dato Bandar Kuala Lumpur

DATO' SRI CHAN KONG CHOY
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (TAXI CAB STANDS)
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by section 72 of the Road Transport Act 1987 [*Act 333*], the Dato Bandar, with the concurrence of the Minister, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Road Transport (Taxi Cab Stands) (Federal Territory of Kuala Lumpur) Order 2007**.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“goods” means any article of merchandise or luggage, or any object including livestock, carried by a passenger;

“vehicle” does not include a taxi cab;

“flashing light” means a light signal given out by a lamp at a taxi cab stand which indicates that a taxi cab is wanted for hire;

“passenger” means a person who hires a taxi cab;

“taxi cab stand” means any part of a road designated as a taxi cab stand by means of a sign as provided in the Schedule and marked by means of yellow lines with the words “TEKSI SAHAJA” placed within the yellow lines;

“taxi cab” means a motor vehicle having a seating capacity of not more than six persons (including the driver) used for carrying passengers on any journey in consideration of a single fare.

Taking up or setting down passengers at taxi cab stand

3. If there is a taxi cab stand provided by the Dato Bandar on a road, a taxi cab driver shall not take up or set down his passengers and their goods at any place otherwise than at a taxi cab stand.

Manner of stopping at taxi cab stand

4. A taxi cab driver who intends to stop his taxi cab for the purpose of taking up or setting down passengers and their goods at a taxi cab stand shall—

- (a) drive his taxi cab in an orderly manner into the taxi cab stand from the rear; and
- (b) stop his taxi cab at the foremost vacant space within the taxi cab stand.

Manner of driving out of taxi cab stand

5. A taxi cab driver shall drive his taxi cab out of a taxi cab stand in an orderly manner and in regular succession from the front of the taxi cab stand.

Manner of person waiting for taxi cabs

6. A person who intends to hire a taxi cab shall queue up in an orderly manner at a taxi cab stand and the person at the head of the queue shall have priority to board a taxi cab.

Manner of taking up passenger

7. A taxi cab driver shall not take up any passenger and his goods unless the passenger is at the head of the queue at a taxi cab stand.

How to stop taxi cabs

8. A person may use a flashing light, if provided, or any sign or signal, to stop a taxi cab for hire.

Prohibition on touting

9. A taxi cab driver or any other person shall not engage in any form of touting for passengers at any taxi cab stand.

Prohibition on obstruction, etc.

10. A taxi cab driver shall not willfully obstruct, impede or prevent any other taxi cab driver from—

(a) stopping for the purpose of taking up or setting down passenger at; or

(b) moving out of,

any taxi cab stand.

Prohibition on washing, etc.

11. A taxi cab driver shall not wash, repair or inspect his taxi cab or cause it to be washed, repaired or inspected at any taxi cab stand.

Taxi cab stand shall not be used as a place for taking a rest

12. A taxi cab driver shall not stop, park, station or leave his taxi cab at any taxi cab stand or within five metres of the entrance or exit of a taxi cab stand for purposes of taking a rest or waiting for passengers.

Vehicle not to use taxi cab stand

13. A driver shall not—

(a) drive his vehicle into any taxi cab stand; or


(b) stop, park, station or leave his vehicle at any taxi cab stand or within five metres of the entrance or exit of a taxi cab stand.

Prohibition on placing structure at taxi cab stands, etc.

14. A person shall not place any structure at any taxi cab stand or within five metres of the entrance or exit of a taxi cab stand.

SCHEDULE
[Paragraph 2]

- NOTE:
1. THE BACKGROUND OF SIGNBOARD IS COLOURED BLUE.
 2. THE WORDS "TEKSI" AND "PERHENTIAN TEKSI" ARE COLOURED WHITE.
 3. THE SHADED PART OF THE TAXI CAB DIAGRAM IS COLOURED YELLOW.
 4. THE BODY AND WHEELS OF THE TAXI CAB ARE COLOURED WHITE.
 5. THE BAR AT THE BOTTOM OF THE TAXI CAB WHICH REPRESENTS THE ROAD IS COLOURED WHITE.
 6. THE LIGHTS AND THREE HORIZONTAL STRIPES AT THE FRONT OF THE TAXI CAB ARE COLOURED BLUE.
 7. ALL DIMENSIONS ARE IN MILLIMETRES (mm).



Made 1 December 2006
[JHEU2/96/85 PT. III; PN(PU²)460/XLVIII]

DATUK HAJI RUSLIN BIN HAJI HASAN
Dato Bandar Kuala Lumpur

DATO' SRI CHAN KONG CHOY
Minister of Transport

Concurred 29 December 2006